

# Kerajaan perlu kembalikan pelepasan cukai buku, majalah

> Peruntukan lebih besar wajar dipertimbang kepada perpustakaan bagi pulih semula industri

Oleh Hafizah Iszahanid  
hafiza@bh.com.my

## Kuala Lumpur

Pelepasan cukai individu merangkumi pembelian buku, majalah, jurnal dan penerbitan yang berjumlah RM1,000 serta peruntukan lebih banyak kepada perpustakaan perlu dipertimbangkan untuk memulihkan industri buku di negara ini.

Presiden Persatuan Penerbit Bu-

ku Malaysia (MABOPA), Arief Hakim Sani Rahmat, berkata dua keistimewaan itu semakin berkurangan selepas Bajet 2016.

Arief Hakim berkata, belanjawan itu meletakkan pelepasan bahan bacaan itu dalam kategori potongan gaya hidup yang turut merangkumi pembelian komputer peribadi, telefon pintar atau tablet, pembelian peralatan sukan serta bayaran langganan internet.

"Kedua-dua keistimewaan ini membantu merangsang pembelian buku daripada golongan pekerja kerana insentif fiskal ini sangat penting.

"Lebih parah, belanjawan perpustakaan juga 'dipancang' hingga kami minta ia dipulihkan," katanya kepada BH, di sini.

Untuk rekod, beberapa tahun kebelakangan ini terutama antara 2016 dan 2017, dana pembelian buku oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), perpustakaan awam, pusat sumber universiti dan institusi pendidikan, KEMAS dan Bahagian Teknologi Pendidikan, sama ada sangat kecil atau

hampir tiada.

PNM yang sebelum ini berbelanja hingga RM40 juta untuk pembelian buku hanya mampu memperuntukkan RM5 juta sahaja pada 2015 sebelum merosot kepada RM2 juta pada 2016 dan 2017.

Arief Hakim berkata, berdasarkan kajian laman e-buku terbesar tanah air, e-Sentral, tabiat membaca kanak-kanak di negara ini umumnya masih baik namun pola itu terganggu apabila mereka masuk ke sekolah menengah.

## Tiada buku bersesuaian

Satu daripada puncanya, kata Arief Hakim, tiada buku bersesuaian dengan usia mereka berbanding dunia Barat yang memiliki genre popular untuk golongan itu seperti fiksiyen young adult (YA).

"Secara restropektifnya, saya fikir kalau baucar buku tidak pernah ada, mungkin lebih banyak genre YA akan diterbitkan tetapi apabila baucar buku diperkenalkan, hampir semua penerbit menuju ke satu arah dan kita tertinggal genre YA ini," katanya.

Hal ini katanya, diburukkan dengan perkembangan teknologi yang membawa kepada pengenalan gajet yang canggih.

Tegas Arief Hakim, industri buku ketika ini berhadapan dengan keadaan ekonomi yang suram apabila banyak syarikat penerbitan buku ditutup satu persatu.

MABOPA katanya, menyedari agak sukar untuk industri buku kembali ke zaman sewaktu bantuan baucar buku diberikan.

Menyifatkan senario itu sebagai 'artifisial' kerana subsidi diberikan lebih RM300 juta untuk pasaran buku sahaja, MABOPA menyasarkan memulihkan industri buku sekurang-kurangnya kembali seperti 10 tahun ke belakang, iaitu ketika baucar buku belum diperkenalkan.

"Sekitar 2010, industri buku sudah bagus kerana jumlah buku bukan saja bertambah, malah bilangan penerbit pun meningkat.

"Kita memang mengharapkan baucar buku tetapi kita maklum keadaan sekarang, cuma kalau kerajaan ada duit lebih baik," katanya.



Kedua-dua keistimewaan ini membantu merangsang pembelian buku daripada golongan pekerja kerana insentif fiskal ini sangat penting. Lebih parah, belanjawan perpustakaan juga 'dipancang' hingga kami minta ia dipulihkan"

*Arief Hakim Sani Rahmat,  
Presiden Persatuan  
Penerbit Buku Malaysia*